



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## OPS TIRIS 3.0 – DUA LELAKI WARGA ASING DITAHAN KERANA DISYAKI SELEWENG MINYAK DIESEL

**PUTRAJAYA, 10 OGOS 2024** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi menerusi OPS TIRIS 3.0 dalam satu serbuan yang dilakukan ke atas sebuah premis yang merupakan pemborong minyak diesel dan petrol di Kawasan Perindustrian Kampung Kolam, Padang Besar, Perlis pada 7 Ogos 2024.

Serbuan dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa daripada KPDN Putrajaya yang bermula kira-kira jam 10.00 pagi itu adalah hasil laporan naziran ke atas syarikat terbabit dan risikan yang telah dilakukan oleh pihak KPDN sebelum operasi dilaksanakan.

Hasil pemeriksaan awal mengesahkan premis terbabit menjalankan perniagaan menjual minyak diesel untuk kegunaan industri. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan naziran yang dibuat oleh KPDN Negeri, premis terbabit juga didapati menjual minyak diesel kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing. Ketika serbuan dilakukan, terdapat dua buah lori *pick up* bernombor pendaftaran asing sedang mengisi minyak diesel ke dalam tangki kenderaan *pick up* terbabit di dalam premis itu.

Hasil pemeriksaan lanjut, kedua-dua lori *pick up* terbabit telah membuat pengisian minyak diesel ke dalam tangki lori itu dengan kuantiti keseluruhan berjumlah 72 liter melalui pam minyak di premis itu. Dua buah lori *pick up*, minyak diesel, telefon bimbit dan beberapa dokumen berkaitan telah disita bagi tujuan siasatan lanjut. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM84,150.00.

Empat individu telah ditahan bagi membantu siasatan, dua daripadanya merupakan warga tempatan berumur lingkungan 70 an yang mengaku sebagai pekerja di premis berkenaan, manakala selebihnya adalah warga asing berumur lingkungan 40 hingga 60 tahun yang merupakan pemandu lori terbabit.

Kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini sedang dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] bagi mengenalpasti individu/syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti ini serta rantai pengedaran minyak diesel tersebut.

Selain itu, premis terbabit juga telah disyaki melakukan kesalahan di bawah Peraturan 3(1) Perintah-Perintah Kawalan Bekalan 1974, iaitu berurusan dan menjual secara borong atau runcit apa-apa barang kawalan berjadual tanpa lesen dan Peraturan 9(2) di bawah peraturan yang sama, iaitu pemborong menjual barang kawalan kepada orang yang tidak mempunyai lesen.

KPDN ingin memberi amaran keras ke atas mana-mana individu/syarikat yang berkaitan agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta) bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta).

Selain itu, syarikat ini juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613] iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan minyak diesel.

Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi boleh menyalurkan aduan yang lengkap dan tepat kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-279 4317/019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN.

**DATUK AZMAN BIN ADAM**

Ketua Pengarah Penguat Kuasa  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup